**PERBADANAN ASET KERETAPI**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

# KENYATAAN SEBUT HARGA

**TARIKH: 21 OKTOBER 2025**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

| TAJUK PROJEK | SYARAT KELAYAKAN | HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA | TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN |
|---|---|---|---|
| **NO. SEBUT HARGA: RAC.K-B/05/25**<br><br>SEBUT HARGA CADANGAN MEMBINA BAHARU DAN MENYIAPKAN KAWASAN **TEMPAT LETAK MOTOSIKAL BERBUMBUNG** SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN **DI STESEN KERETAPI PARIT BUNTAR**, PERAK DARUL RIDZUAN | Status: **Bumiputera**<br><br>Gred: **G2**<br><br>Pengkhususan:<br>**CE01** – Pembinaan jalan dan pavmen; **dan**<br><br>**CE21** – Pembinaan Kejuruteraan Awam.<br><br>Nota:<br>Kebenaran khas **tidak dibenarkan** untuk pengkhususan bidang kerja yang telah ditetapkan | **Harga Dokumen: RM10.00**<br>(Tidak akan dikembalikan)<br><br>**Perbankan Atas Talian** ke atas nama Perbadanan Aset Keretapi | Tarikh Jualan Dokumen:<br>**28 Oktober 2025 (Selasa)** – **2 November 2025 (Ahad)**<br><br>Tarikh Muat Turun Dokumen:<br>**3 November 2025 (Isnin) – 12 November 2025 (Rabu)**<br><br>Catatan:<br>Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian (*Cloud*). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Penyebut harga mengemukakan slip bukti transaksi bayaran. |

**SESI TAKLIMAT SEBUT HARGA** adalah **DIWAJIBKAN** sepertimana ketetapan berikut:
Tarikh : **28 Oktober 2025 (Selasa)**
Masa : **3:00 petang**
Tempat : **Stesen Keretapi Parit Buntar, Perak**
**Hanya penyebut harga yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat**

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakilkan individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran **PPK, SPKK**, **STB** dan **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** beserta satu **SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cap syarikat**.

**Hanya penyebut harga yang telah menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak** boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada perolehan@rac.gov.my dan disalinkan kepada finance@rac.gov.my sebagai bukti pembayaran.

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :**
**13 November 2025 (Khamis)**
**Jam 12:00 tengah hari**

Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen sebut harga tidak akan diterima. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga di penjuru kiri sebelah atas sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :-

**Ketua Pegawai Eksekutif,**
**Perbadanan Aset Keretapi,**
**27-1, Sentral RAC,**
**No.16 Jalan Tun Sambanthan,**
**Brickfields,**
**50470 Kuala Lumpur**